



EON Inspirasi
Edisi Dr. Nor'aishah Abu Shah

Rahsia Lebah
Sains vs Alquran

Warisan Semulajadi Geologi
Hubungan dengan Flora dan Fauna

Basic Navigation in Forest
Tips and tricks

ISSN 2773-5869



9 772773 586005

Perspektif

KEINDAHAN HUTAN GUNUNG YONG BELAR

Oleh

Wan Azman Wan Ismail

Jabatan Farmaseutik, Fakulti Farmasi,
Universiti Teknologi MARA Cawangan
Selangor, Kampus Puncak Alam, 42300
Bandar Puncak Alam, Selangor, Malaysia.

wanzaman@uitm.edu.my

EDITOR: MOHD SYAHRIL MOHD ZAN

Malaysia adalah sebuah negara yang diberkati dengan bentuk muka bumi bergunung-ganang serta hutan hujan khatulistiwa yang memberi banyak peluang kepada penggemar-penggemar aktiviti mendaki gunung dan meneroka keindahan hutan untuk menjalankan aktiviti mereka. Bermula dengan hobi berlari dan mendaki bukit untuk mengekalkan tahap kecergasan diri, kini hampir setiap bulan saya melakukan aktiviti mendaki gunung bersama rakan-rakan. Pada Sabtu bertarikh 22 Julai 2023 yang lalu, kami seramai 25 orang telah berkesempatan mendaki salah sebuah di antara tujuh gunung tertinggi di Semenanjung Malaysia (lebih dikenali sebagai G7 di kalangan pendaki) yang terletak di sempadan negeri Kelantan dan Perak, iaitu gunung Yong Belar. Ini adalah kali kedua saya mendaki gunung ini selepas kali pertama mendakinya pada tahun 2019. Dengan ketinggian 2,181 meter dari aras laut (mdal), gunung ini adalah gunung ketiga tertinggi di Semenanjung Malaysia selepas Gunung Tahan dan Gunung Korbu, dan merupakan gunung kedua tertinggi di Banjaran Titiwangsa selepas Gunung Korbu. Gunung ini terletak di dalam kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) dan memerlukan permit dari Jabatan Perhutanan untuk mendakinya. Salah satu pintu masuk ke gunung ini terletak di kawasan tanah tinggi Lojing, Kelantan.

Biasanya para pendaki akan meletakkan kenderaan di kawasan meletak kenderaan khusus berhampiran Masjid Long Tan ataupun juga dikenali sebagai Masjid Keputeraan di Lojing Highlands. Dari situ pendaki akan menaiki pacuan 4 roda sejauh 6 km untuk ke tempat permulaan yang terletak di dalam kawasan sebuah kebun sayur. Perkhidmatan pacuan 4 roda ada disediakan oleh pemilik kebun sayur tersebut.



Gambar 1: Papan tanda di pintu rimba Gunung Yong Belar.

Jika dilihat dari peta topografi, kebun sayur tersebut sudah terletak pada ketinggian melebihi 1,500 mdal, jadi mungkin ada pendaki yang terfikir bahawa mereka cuma perlu mendaki lebih kurang 600 meter sahaja lagi untuk sampai ke puncak Gunung Yong Belar. Akan tetapi, setiap gunung dalam kategori G7 biasanya mempunyai kesukaran tersendiri untuk didaki. Kesukaran mendaki Gunung Yong Belar adalah disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya adalah disebabkan oleh keadaan treknya yang naik dan turun dengan lebih daripada enam puncak tipu (*false peaks*) untuk ditempuhi seawal permulaan pendakian. Trek naik dan turun ini kadang-kala mampu memberikan tekanan mental kepada pendaki, terutamanya semasa dalam perjalanan turun.




Gambar 2: Suasana ketika matahari terbit dan kepulan awan (yang dipanggil “awan karpet” oleh para pendaki) dilihat dari salah satu puncak tipu.

Bentuk trek sebegini juga menyebabkan ketinggian yang perlu didaki sebenarnya adalah melebihi 1,000 meter (lebih 1,500 meter mengikut catatan dari *smartwatch* kami). Selain itu, treknya juga amat becak dan berlumpur serta dipenuhi akar-akar kayu berselirat, menjadikan perjalanan mendaki dan menurunya amat memenatkan. Walau bagaimanapun, semua kepenatan pendakian tersebut biasanya berbaloi dengan keindahan hutan yang disajikan sepanjang trek ke puncak.

Menaiki pacuan 4 roda ke kebun sayur pada pukul 3.30 pagi, kami memulakan pendakian pada pukul 4.15 pagi selepas melakukan sedikit senaman regangan dan pemanasan badan. Ada juga beberapa kumpulan lain yang mendaki bersama kami pada hari itu. Pendakian peringkat pertama selama hampir 2 jam membawa kami menempuh 6 puncak tipu, sebelum tiba ke tapak perkhemahan pertama dikenali sebagai Kem Tudung Periuk yang terletak pada ketinggian 1,660 mdal. Di sini kami mengambil peluang untuk berehat, solat Subuh dan bersarapan sebelum meneruskan perjalanan. Lebih kurang 30 minit dari Kem Tudung Periuk, kami tiba ke simpang untuk ke sebuah air terjun yang dikenali sebagai air terjun Pelaur. Pendaki biasanya tidak akan melepaskan peluang untuk bergambar di kawasan air terjun yang unik dan dipenuhi batu-batu besar yang dilitupi oleh lumut ini.

Dari Air Terjun Pelaur, kami mengambil masa di antara 1.5 hingga 2 jam untuk tiba ke tapak perkhemahan seterusnya yang dipanggil Kem Kasut. Secara peribadi, perjalanan dari Kem Tudung Periuk ke Kem Kasut adalah antara perjalanan yang terasa amat panjang dan tidak nampak penghujungnya. Sepanjang perjalanan ini, pendaki akan melalui beberapa kawasan hutan berlumut yang cantik.



Gambar 3: Air Terjun Pelaur adalah *trademark* Gunung Yong Belar. Tidak sah mendaki gunung ini tanpa bergambar di kawasan air terjun ini. Di sini juga ada tapak perkhemahan untuk pendaki yang ingin berkhemah.

Keindahan hutan ini kadang-kala membuatkan kami terlupa akan kepenatan dan tidak melepaskan peluang untuk mengambil gambar sebanyak mungkin sebagai kenangan. Suhu yang sejuk juga sedikit sebanyak membantu mengurangkan rasa penat dan haus.

Terletak pada ketinggian 1,950 mdal, Kem Kasut agak sempit dan becak, tidak seperti Kem Tudung Periuk yang lebih luas dan tidak berlumpur. Tiba di kem ini, sekali lagi kami mengambil peluang untuk berehat agak lama serta makan dan minum untuk menambah tenaga sebelum mula mendaki ke puncak. Jarak dari Kem Kasut ke puncak Gunung Yong Belar hanyalah lebih kurang 1.5 km, akan tetapi trek selepas Kem Kasut menjadi lebih mencabar disebabkan keadaannya yang agak curam dan lebih becak serta dipenuhi akar-akar menjalar. Biasanya perjalanan dari Kem Kasut ke puncak mengambil masa lebih kurang 1 hingga 2 jam, bergantung kepada stamina masing-masing.



Gambar 4: Keindahan hutan berlumut sepanjang trek pendakian ke puncak Gunung Yong Belar.

Akhirnya selepas lebih kurang 8 jam mendaki, kesemua ahli kumpulan kami berjaya sampai ke puncak, dengan pendaki terakhir tiba lebih kurang pada pukul 1 petang. Puncak Gunung Yong Belar tidaklah terlalu luas tetapi menyajikan pemandangan indah Banjaran Titiwangsa jika cuaca cerah. Kami tidak bernasib baik kerana keadaan sekeliling pada hari tersebut adalah berkabus, walaupun dengan matahari yang bersinar.

Selepas berehat di puncak selama lebih 1 jam, kami memulakan perjalanan turun ke pintu rimba. Beberapa pendaki sudah mula keletihan dan cuma mampu berjalan turun dengan sangat perlahan. Sewaktu tiba kembali ke Kem Tudung Periuk, kami terpaksa menunggu peserta terakhir tiba sebelum memulakan perjalanan turun ke kebun sayur memandangkan hari sudah hampir gelap. Seperti dijangka, perjalanan pulang menempuhi semula enam puncak tipu sememangnya memberi tekanan kepada beberapa peserta, tetapi dengan bantuan dan sokongan rakan-rakan sependakian, semua peserta akhirnya berjaya tiba semula ke kebun sayur selewat-lewatnya pada pukul

10.30 malam, menjadikan jumlah keseluruhan masa yang diambil untuk melengkapkan pendakian ini lebih daripada 18 jam. Dari kebun sayur, kami menaiki pacuan 4 roda untuk kembali semula ke Masjid Long Tan untuk mandi dan membersihkan diri, dan berehat seketika sebelum memulakan perjalanan pulang ke rumah masing-masing.

Kesimpulannya, pendakian Gunung Yong Belar tidaklah begitu mudah dan tidak pula terlalu sukar, akan tetapi amat menyeronokkan jika kita bersedia dengan mendapat latihan yang secukupnya sebelum memulakan pendakian dan juga membawa keperluan yang secukupnya sewaktu mendaki.

Gunung ini juga mempunyai hutan dan air terjun yang cantik dan bebas dari pacat dan nyamuk. Akan tetapi, sepanjang pendakian naik dan turun, ada beberapa ketika kami melalui kawasan lereng gunung dan dari situ kami dapat melihat dari jauh beberapa kawasan hutan bersebelahan yang telah digondolkan, mungkin untuk dijadikan kawasan pertanian. Walaupun atas alasan apa sekalipun, bagi pendaki dan pencinta hutan seperti kami, pemandangan tersebut adalah sangat menyedihkan. Kami cuma mampu berharap agar aktiviti pembersihan hutan tersebut dijalankan dengan kebenaran pihak berkuasa dan dilakukan secara terkawal agar kelestarian hutan kita dapat terus dipelihara untuk dinikmati oleh generasi akan datang.



Gambar 5: Meraikan kejayaan berjaya tiba ke puncak Gunung Yong Belar.